

Komponen kereta buatan Malaysia — PM jelaskan

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan tidak menetapkan hanya syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera akan berpeluang untuk mengeluarkan komponen kereta buatan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini, komponen-komponen itu boleh dibuat oleh mana-mana syarikat sekalipun, sama ada ia mempunyai penyertaan Bumiputera atau sebaliknya.

Seterusnya beliau menekankan bahawa setiap langkah Kerajaan adalah berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Tetapi, sekiranya syarikat Bumiputera ingin mengeluarkan alat-alat itu, ia mestilah menunjukkan kemampuan secara aktif.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan, Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sama dan tidak perlu diragukan.

Beliau memberi penjelasan itu berikutan kekeliruan yang timbul dari kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Encik Muhyiddin Yasin, baru-baru ini yang menyatakan hanya syarikat milik seratus peratus Bumiputera akan berpeluang

mengeluarkan bahan-bahan itu.

Encik Muhyiddin berkata, peraturan itu telah dipersetujui oleh Kementerianannya dan Perbadanan Industri Berat Malaysia atau Hibcom.

Menurut Timbalan Menteri itu, syarikat itu boleh menjalankan projek secara usahasama dengan syarikat tempatan atau asing tetapi ia

mesti dikuasai oleh Bumiputera.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau telah memanggil Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, untuk meminta penjelasan mengenai perkara itu dan berpuas hati dengan penjelasan bahawa ia bukanlah dasar baru.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia